


PERANAN KETUA ADAT DALAM MASYARAKAT  
ADAT PEKPATH DI NEGERI SEMBILAN

MAZENAH BT. PIEL

JABATAN PERSURATAN MELAYU  
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI  
SESI 1981 / 82



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PERSURATAN MELAYU

PERANAN KETUA ADAT DALAM MASYARAKAT  
ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN

oleh

MAZENAH BT. PIEI

Latihan ilmiah ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan ijazah Sarjanamuda Sastera (dengan kepujian) pada sesi 1981/82.

---

PENYELIA

2/1/82  

---

TARIKH

*Siti Hawa Saleh*  

---

KETUA

JABATAN PERSURATAN MELAYU

24B MAC 1982  

---

TARIKH

PERANAN KETUA ADAT DALAM MASYARAKAT  
ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN

Oleh

MAZENAH BT. PIEI

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN KEPADA  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT  
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA  
DENGAN KEPUJIAN  
DI JABATAN PERSURATAN MELAYU

FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI  
1981/82

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

### PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan satu latihan ilmiah untuk dikemukakan kepada Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian. Saya menyatakan rasa kesyukuran keatas hadrat Allah S.W.T, kerana dengan hidayah dan keredhaanNya jua, Latihan Ilmiah ini dapat diselesaikan.

Semasa menyelesaikan kajian ini, saya bernasib baik mendapat Dr. Ismail Bin Hamid yang sudi menjadi penyelia, di mana segala panduan, tunjuk ajar serta kritikkannya adalah diberi setinggi penghargaan.

Rasa terima kasih dan penghargaan juga saya rakamkan untuk individu yang sudi menjadi informan yang telah banyak memberi maklumat tentang kajian ini. Mereka ialah Encik Mohd. Nor Bin Pilus, Encik Ahmad Bin Taib, Encik Abdul Rauf Bin Naim, Encik Abdul Ghani Bin Shamarudin, Encik Osman Bin Baginda dan Encik Mohd. Nor Bin Abdul Hamid, Penolong Pemungut Hasil Tanah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Saya juga merakamkan rasa penghargaan yang sama terhadap kaki tangan Universiti Kebangsaan Malaysia yang turut menyumbangkan bantuan, terutama Puan Norbiha Binti Ibrahim dan kaki tangan Pengerusi Koperasi Sri Lanang.



Akhir sekali tidak saya lupakan kepada keluarga saya dan juga Mohd. Zan Bin Mohd. Zin yang banyak memberi bantuan. Begitu juga kepada pihak-pihak lain yang memberikan pertolongan dan dorongan dalam menyelenggarakan kajian ini.

Sebarang kekurangan dan kesilapan walau bagaimanapun adalah tanggung jawab saya sendiri.

Mazenah Bt. Piei,

Jabatan Persuratan Melayu,

UKM, Bangi.

## KANDUNGAN

### HALAMAN

|                   |     |
|-------------------|-----|
| PENGHARGAAN ..... | i   |
| KANDUNGAN .....   | iii |

### BAB I : PENGENALAN

|                                        |    |
|----------------------------------------|----|
| 1.1 Pendahuluan .....                  | 1  |
| 1.2 Objektif dan Skop Kajian .....     | 4  |
| 1.3 Metod Kajian .....                 | 6  |
| 1.4 Latar Belakang Tempat Kajian ..... | 7  |
| 1.4.1 Daerah Kajian .....              | 7  |
| 1.4.2 Kawasan Kajian .....             | 10 |
| 1.4.3 Latar Belakang Masyarakat ....   | 10 |
| 1.4.4 Sistem Politik Tradisional ....  | 14 |
| 1.5 Konsep Peranan Dan Kedudukan ..... | 18 |
| 1.6 Masalah Kajian .....               | 23 |

### BAB II : PERANAN KETUA ADAT DALAM ISTADAT PERKAHWINAN

|                                                            |    |
|------------------------------------------------------------|----|
| 2.1 Pemilihan Jodoh .....                                  | 27 |
| 2.1.1 Corek Penjedohan Dan Sistem ...<br>Perkahwinan ..... | 27 |
| 2.1.2 Larangan Perkahwinan .....                           | 30 |
| 2.2 Pertunangan .....                                      | 41 |
| 2.2.1 Meminang .....                                       | 42 |
| 2.2.2 Mengembang Cincin .....                              | 44 |

HALAMAN

|                                             |    |
|---------------------------------------------|----|
| 2.3 Perkahwinan .....                       | 45 |
| 2.3.1 Berkampung .....                      | 46 |
| 2.3.2 Kenduri Kahwin .....                  | 48 |
| 2.3.3 Istiadat Menyembah .....              | 52 |
| 2.3.4 Nikah Kahwin Aturan Tidak Lazim ..... | 52 |

## BAB III : PERANAN KETUA ADAT DALAM PEMBAGIAN HARTA

## PUSAKA

|                                        |    |
|----------------------------------------|----|
| 3.1 Jenis-jenis Harta dan Sistem ..... | 47 |
| Pengwarisannya .....                   | 57 |
| 3.2 Penjualan Harta Pusaka .....       | 66 |
| 3.3 Berkedin .....                     | 70 |

## BAB IV : PERANAN KETUA ADAT DALAM PERLANTIKAN KETUA ADAT

|                                            |    |
|--------------------------------------------|----|
| 4.1 Perlantikan Buapak .....               | 77 |
| 4.2 Perlantikan Lembaga .....              | 78 |
| 4.3 Perlantikan Penghulu dan Undang .....  | 83 |
| 4.4 Perlantikan Yang DiPertuan Besar ..... | 97 |

## BAB V : KESIMPULAN

|                                                                                                                      |     |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 5.1 Peranan Ketua Adat .....                                                                                         | 107 |
| 5.2 Corak Politik Adat Perpatih .....                                                                                | 110 |
| 5.3 Penilaian Dari Segi Pandangan Islam<br>Terhadap Beberapa Hal Yang Dipraktikkan<br>Dalam Masyarakat Di sini ..... | 113 |

HALAMAN

|                   |     |
|-------------------|-----|
| 5.4 Penutup ..... | 118 |
|-------------------|-----|

## LAMPIRAN:

|                                         |     |
|-----------------------------------------|-----|
| 1) Senarai Nama Informen .....          | 120 |
| 11) Lapuran Perkahwinan Searis Suku ... |     |
| Sri Lemak Minangkabau .....             | 122 |

|                        |     |
|------------------------|-----|
| SENARAI RUJUKAN: ..... | 123 |
|------------------------|-----|

---

BAB III

---

### BAB III

#### PERANAN KETUA ADAT DALAM PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA

Harta adalah suatu perkara yang penting dalam masyarakat Adat Perpatih. Perpentingnya harta ini dapat dilihat dari amalan yang biasa terdapat iaitu 'merantau'. Menurut Profesor M. Nasroen kenyataan ini bukanlah disebabkan negerinya miskin dan hidup di negerinya susah, tetapi adalah untuk memelihara dan menambah harta pusaka. Kekayaan yang diperolehi di rantau itu tidaklah digunakan di negeri asing tetapi dibawa pulang.<sup>1</sup> Berhubung dengan konsep 'merantau' ini terdapat kata perbilangan berbunyi:

Keratau madang di hulu  
Berbunga berbush belum,  
Merantau dagang dahulu  
Di kampung berguna belum.<sup>2</sup>

Maksudnya, fenomena yang timbul ialah orang muda dianggap terlalu mentah untuk memberi tunjuk ajar atau diajak berunding. Jadi mereka digalakkan keluar kampung (merantau), sewaktu muda dan balik waktu tua, dengan bekalan pengalaman dan juga harta.

---

<sup>1</sup> Nasroen M., Dasar Falsafat Adat Minangkabau, Djakarta: C.V. Penerbit Pasanan, 1957, hal. 175.

<sup>2</sup> Ibid., hal. 176.



### 3.1. Jenis-jenis Harta dan Sistem Pengwarisannya.

Pemulis merasakan perlu bahawa jenis-jenis harta diterangkan terlebih dahulu. Ini adalah untuk menyenangkan pembicaraan seterusnya yang menyentuh tentang peranan Ketua Adat dalam jenis-jenis harta yang disebutkan. Harta dalam Adat Perpatih digolongkan kepada empat jenis, iaitu:

- 1) Harta Pusaka
- 2) Harta Carian
- 3) Harta Pembawa
- 4) Harta Dapatan

Harta pusaka didefinisikan sebagai benda sama ada rumah, tanah atau barang-barang peribadi yang diterima daripada ibu bapa atau nenek moyang atau generasi terdahulu daripadanya. Harta ibu bapa atau nenek moyang akan menjadi pusaka apabila diturunkan kepada generasi di bawahnya.<sup>3</sup> Mengenai harta pusaka, Adat Perpatih mengenal dua jenis harta: Pusaka benar dan Pusaka sendiri.

Pusaka benar ialah harta kepunyaan suku dan terdiri daripada tanah-tanah kampung, sawah, dusun buah-buahan dan rumah yang diwarisi dari ibu yang letaknya di atas tanah pusaka. Harta ini adalah

---

<sup>3</sup> Faraded Mohd. Dom, "Persoalan Pembahagian Harta Dalam Adat Perpatih", Latihan Ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, UKM, 76/79, hal. 24.

kepunyaan waris dalam pengertian ahli-ahli suku.<sup>4</sup> Harta pusaka sendiri pula adalah segala jenis harta benda yang diwarisi oleh anak daripada orang tuanya, seperti barang kemas dan lain-lain harta carian.<sup>5</sup>

Jenis kedua ialah harta carian. Mengikut E. N. Taylor harta carian terbahagi kepada dua; iaitu carian bujang dan carian laki bini.<sup>6</sup> Carian bujang ialah harta yang dicari oleh lelaki sebelum berkahwin, atau termasuk juga harta yang diberi oleh ibu bapa semasa kecil. Bila berkahwin, harta ini menjadi harta pembawa. Sementara harta carian laki bini ialah carian bersama semasa berkahwin; misalnya sawah padi, getah, dan alat-alat pertanian seperti kerbau, cangkul dan sebagainya.

Jenis harta ketiga pula ialah harta pembawa. Harta ini adalah harta lelaki yang didapati hasil dari titik peluhnya sendiri semasa bujang. Selain daripada itu termasuk juga harta yang dihadiahkan oleh ibu bapa kepada anak lelaki sesudah atau semasa ia berkahwin.<sup>7</sup>

---

<sup>4</sup> Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1975, hal. 146.

<sup>5</sup> Ibid., hal. 147.

<sup>6</sup> E.N. Taylor, "The Customary Law of Rembau", JMBRAS., Vol. VII, 1929, hal. 14.

<sup>7</sup> Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad, 1976, hal. 117.

Harta dapatan pula ialah harta kepunyaan perempuan. Harta ini khususnya harta pusaka yang diwarisi oleh kaum perempuan waktu ia berkahwin. Dalam harta dapatan ini termasuk juga tiga jenis harta lain; iaitu harta carian titik peluh perempuan waktu bujang, waktu janda dan bahagian yang diperolehinya waktu cerai.<sup>8</sup>

Jadi dengan penjelasan jenis-jenis harta ini, akan dapatlah dilihat dalam jenis harta yang mana terdapatnya peranan ketua adat. Ini adalah kerana peranan Ketua Adat itu terhadap kepada beberapa jenis harta sahaja. Peranan Ketua Adat akan dapat dilihat melalui penerangan tentang sistem pengwarisan harta itu.

Peranan Ketua Adat yang paling nyata terdapat dalam harta pusaka benar. Seperti yang disebutkan sebelum ini, perinsip dasar dalam Adat Perpatih dari segi pengawarisan harta ialah memberi kuasa kepada wanita dalam suku. Wanita itu berhak memegang harta itu atas nama suku. Dalam hal ini Lokman bin Yusof, menerangkan;

The individual holder of the property at any time, holds it on behalf of the tribe: the right is transmissible but not alienable.<sup>9</sup>

---

<sup>8</sup> Ibid., hal. 117.

<sup>9</sup> Lokman bin Yusof, 'As Seen in Land Inheritance', Intisari, Jilid I, No. 4, Singapore, hal. 14.

Pada masa dahulu harta pusaka benar ini diletakkan di bawah pengawasan ketua adat. Seperti dibayangkan dalam kata perbilangan di bawah ini;

Sawah yang berjinjang  
 Pinang yang gayu  
 Nyior yang saka 10  
 Lembaga yang punya.

Tegasnya menurut Adat Perpatih Buapak dan Datuk Lembagalah yang bertindak sebagai wakil keluarga dan suku. Merekalah sebagai pemegang kuasa atas tanah pusaka benar.

Namun begitu dengan perkembangan perjalanan sistem adat, peraturan ini telah berubah. Pengenalan Sistem Torren (Torrens System) pada tahun 1895 oleh pemerintah British, telah membawa perubahan kepada konsep dan praktik yang terdapat dalam pengwarisan harta pusaka. Dalam sistem ini orang yang memiliki tanah kepunyaan suku menjadi pemilik tanah yang berdaftar, dalam mukim yang didaftarkan. Kawasan tanah telah diukur oleh Jabatan Ukur dan wanita yang memiliki tanah itu mempunyai dokumen tentang tanah itu. Urusan pindah milik adalah dikuatkuasakan berdasarkan undang-undang yang dibentuk dan tertakluk di bawah syarat-syarat 'Land Code'. Wanita itu juga bertanggungjawab kepada pembayaran sewa yang setimpal dan membuat penetapan ke atas syarat-syarat akuan haknya sama ada nyata ataupun

ti

tidak. Pendaftaran yang diperkenalkan itu bermaksud menyatakan hak seseorang individu dan menyingkirkan hak ahli-ahli lagi dalam sukunya.<sup>11</sup> Walaupun begitu dari segi hak penggunaan bagi ahli suku masih lagi dikekalkan. Hak penggunaan yang dimaksudkan ialah hak bagi ahli suku untuk mengambil hasil atau mengerjakan tanah itu.

Sistem pemilikan tanah Adat dikukuhkan buat pertama kalinya dalam tahun 1909 dalam satu undang-undang yang disebut dan dikenal dengan nama 'The Customary Tenure Enactment'. Enakmen 1909 ini kemudiannya dipinda pada tahun 1926 dan akhirnya dipinda pula pada tahun 1930, di mana peraturan Adat Perpatih mengenai pengwarisan menjadi bahagian lengkap dari undang-undang tanah Negeri. Dengan Enakmen tersebut maka pegawai-pegawai Kerajaan di Pejabat Daerah tempatan sebagai Pemungut Hasil Tanah (Collector of Land Revenue) diberi kuasa untuk menjaga tanah-tanah pusaka sama ada pemindahan atau penjualannya mengikut batas-batas yang ditetapkan dalam undang-undang adat.<sup>12</sup> Hal ini juga secara tidak langsung telah mengurangkan peranan Ketua Adat terhadap tanah suku itu. Asas pengwarisan harta ini masih lagi mengikut jurai keturunan melalui wanita.

Untuk membolehkan harta itu diwariskan ada tiga unsur penting yang perlu diperhatikan dan diselesaikan menurut hukum adat

---

<sup>11</sup> Lokman bin Yusof, op.cit., hal. 14.

<sup>12</sup> Abdullah Siddik, op.cit., hal. 148.

waris itu;

1. Ada yang meninggal dunia.
2. Ada ahli waris yang akan mewarisi.
3. Ada harta peninggalan si mati.

Sistem pengwarisan harta pusaka ini dapatlah diterangkan, iaitu apabila ibu meninggal dunia, harta pusaka terus jatuh kepada anak perempuannya(ego). Apabila ego itu meninggal, harta itu jatuh pula ketangan anak perempuannya. Begitulah seterusnya harta itu akan diperturunkan. Ini dinamakan corak pengwarisan secara terus. Tetapi jika ibu itu tidak ada anak perempuan (waris yang terdekat sekali). Andainya tidak ada waris sendiri, maka harta itu akan berpindah kepada saudara perempuan di dalam suku, walaupun jauh. Pendek kata waris yang dekat diutamakan.<sup>13</sup>

Seseorang yang menuntut untuk mendaftarkan diri sebagai pengganti pemilik tanah pusaka mestilah membuat permohonan kepada Pemungut (Collector) untuk dicatatkan namanya sebagai pemilik berdaftar kepada tanah yang telah didaftarkan sebelumnya (mukim mana yang dinyatakan). Pemungut kemudian menghantar notis kepada setiap ahli waris yang lain supaya hadir pada hari bulan yang ditetapkan

---

<sup>13</sup> Faraded Mohd. Dom, op.cit., hal. 31.

di Pejabat Tanah. Ini bertujuan memberi peluang kepada ahli waris yang lain mengeluarkan pendapat sama ada setuju atau ada tentangan.

Langkah selanjutnya, di Pejabat Tanah diadakan satu perbincangan yang dihadiri oleh Pemungut (Collector), Lembaga dan ahli-ahli waris, iaitu ahli-ahli waris yang diberi notis oleh Pemungut itu. Pemungut melantik salah seorang ahli waris sebagai jurucakap kepada ahli waris lain untuk memberi keterangan tentang jurai keturunan atau hubungan kekeluargaan mereka dengan kedudukan si pemohon. Jika mereka telah mengikuti pertalian sanak saudara yang betul, maka di situ Peranan Lembaga hanya menjadi saksi kepada keterangan itu.<sup>14</sup>

Di sini perlu dijelaskan, dalam urusan dengan Pejabat Tanah, hanya Peranan Lembaga sahaja diperlukan. Sementara Buapak, yang mempunyai hubungan yang rapat dengan anak buah bertindak sebagai orang perantaraan antara anak buah dengan Lembaga. Segala keterangan yang berhubung dengan pertalian sanak saudara si pemohon adalah menjadi tanggungjawab Buapak untuk menyalutkannya. Kemudian Buapak akan memberitahu kedudukan perkara itu kepada Lembaga.

Sekiranya terdapat sesuatu keluarga itu tidak mengikuti pertalian sanak saudara yang sepatutnya, maka satu perbincangan lebih tinggi perlu diadakan. Biasanya perbincangan itu dihadiri oleh wakil

---

<sup>14</sup> Keterangan oleh Hj. Muhamad Nor bin A. Hamid, Penolong Pemungut Hasil Tanah, Pejabat Tanah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

raja (Yamtuan), wakil Kerajaan Negeri, Undang atau Penghulu, Lembaga dan ahli waris. Di sini Lembaga dikehendaki memberi keterangan tentang kedudukan keluarga itu.<sup>15</sup>

Berhubung dengan hal ini, Abdullah Siddik menyebutkan bahawa dengan adanya enakmen (The Customary Tenure Enactment, 1909) kepala Masyarakat Hukum Adat (Lembaga) tidak lagi mempunyai kata putus, tetapi terhad kepada peranan sebagai saksi yang pakar yang memberikan keterangan tentang kedudukan perkara yang timbul, seperti pertalian sanak saudara yang berkaitan dan pemecahan perkara itu menurut adat.<sup>16</sup> Selanjutnya beliau menjelaskan lagi bahawa:

Kata putus berada di tangan Pemungut, kerana Pemungut (Collector) tidak terikat kepada keterangan pakar dari Kepala Masyarakat Hukum Adat.<sup>17</sup>

Kenyataan ini pada pendapat penulis masih dapat dipertikaikan. Lembaga akan mengarahkan kepada Buapak menyiasat kedudukan sesuatu keluarga yang berkenaan. Buapaklah yang mengetahui segala yang telah berhubung dengan anak buahnya dalam suku. Ia tahu anak bush mana yang telah terkeluar dari suku, yang mungkin disebabkan melanggar peraturan Adat; seperti berkahwin dengan suku yang sama. Jadi orang yang telah

---

<sup>15</sup> Ibid.

<sup>16</sup> Abdullah Siddik, op.cit., hal. 148

<sup>17</sup> Ibid., hal. 148.



dijalankan tindakan pemulauan atau dikeluarkan dari suku ini tidak berhak lagi menerima harta pusaka menurut Adat Perpatih. Jadi keterangan yang diperolehi oleh Lembaga dari Buapak tadi akan diterangkan dihadapan jamaah perbicaraan. Pemungut akan bertindak selaras dengan Hukum Adat; iaitu sudah semestinya seseorang yang terlibat seperti hal yang disebutkan di atas tidak akan diberikan hak mendaftar sebagai pemilik tanah pusaka. Jadi di sini jelaslah bahawa Pemungut adalah terikat kepada keterangan Lembaga atau Kepala Masyarakat Hukum Adat. Hasil temuramah penulis dengan Tuan Haji Muhamad Nor bin A. Hamid, Penolong Pemungut Hasil Tanah, Kuala Pilah, beliau juga menyatakan bahawa seseorang Pemungut itu adalah terikat dengan keterangan Lembaga. Jika Lembaga memberi keterangan yang palsu maka dipercayai Lembaga itu akan dimakan sumpah.<sup>18</sup>

Peranan Ketua Adat masih diperlukan dalam pembahagian Tanah Pusaka Bener ini. Seperti yang diterangkan dalam enakmen 'Customary Tenure';

No customary land or any interest therein shall be transferred, charged or leased except with the assent of the Lembaga of the tribes of the registered owner there of and unless such notice, in writing or otherwise, of the intention to transfer, charge or lease as the Collector may deem sufficient, shall have been published for a period of not less than

---

<sup>18</sup> Makan sumpah bermakna Lembaga mungkin menerima sesuatu bala akibat perbuatannya yang membuat keterangan palsu. Persumpahan itu di anggapkan berlaku sejak zaman nenek moyang dulu.

one month immediately preceding the execution of such transfer or charge or lease.<sup>19</sup>

Jadi dengan keterangan di atas penulis berpendapat bahawa peranan Lembaga dalam soal pembahagian harta pusaka adat masih penting, (iaitu dari segi penukaran hak milik tanah). Tetapi tidak lagi se-penting pada zaman sebelum adanya pengaruh penjajah. Penulis bersetuju dengan pendapat Hj. Abbas bin Ali yang mengatakan:

Sejak kurang lebih 40 tahun, bila daerah telah dipecahkan kepada beberapa mukim, dan penghulu mukim telah diadakan, maka kuasa datuk-datuk Lembaga yang khususnya bertanggungjawab dalam urusan tanah mengikut peranan mereka pada mula-mulanya telah tidak lagi. ~~Rekacuali~~ dalam hal-hal mengenai penukaran nama tanah pesaka sahaja, kerana dia menentukan jika dikehendaki oleh pegawai daerah.<sup>20</sup>

Selain dari peranan Lembaga yang dapat dilihat dalam Harta Pusaka Benar, kita juga dapat melihat peranan Ketua Adat ini dalam jenis harta yang lain, iaitu harta carian dan harta pembawa.

Buapak memainkan peranan penting dalam menyelesaikan soal-soal pembahagian tanah anak buah. Dalam konteks tanah carian, iaitu tanah yang diperolehi atas perkongsian hidup suami isteri, kuasa Buapak dalam menentukan bahagian harta ini kepada yang berhak jelas dilihat.

---

<sup>19</sup> The Customary Tenure Enactment, Seksyen 7 (perkara IV).

<sup>20</sup> Hj. Abbas bin Ali, 'Sebahagian Dari Dasar Adat (tinjauan secara umum) k/k Seminar Persejarahan dan AP, Anjuran M. Belia Negeri sembilan. 10-12 April, 1974, p. 13.

Begitu juga dalam harta pembawa peranakan Buapak dapat dikatakan penting untuk keamanan hidup anak buahnya. Parr dan Mackray menyebutkan peranan ketua adat dalam jenis harta ini:

...the bridegroom's private property (harta terbawa) must be declared in his presence, he makes the division of acquired property (harta pencarian) at divorce.<sup>21</sup>

Richard Winstedt dalam mengkaji sejarah kebudayaan Melayu juga ada menyebutkan peranan ketua adat sebagai;

While the tribal chief is expressly concerned with tribal lands, the elder is the proper qualified witness for all formal payments made to or by a member of the sub-tribe, the declaration of a husband's private property at marriage and its return at divorce.<sup>22</sup>

Tegasnya, peranan Buapak dalam harta pembawa ialah mengistiharkan harta itu semasa hari perkahwinan atau pengistiharan yang dibuat mestilah dengan kehadiran. Sementara dalam harta pencarian suami isteri pula Buapak menentukan bahagian untuk isteri dan suami semasa bercerai. Mengikut Adat Perpatih, bila suami isteri itu bercerai hidup tanah atau harta carian suami isteri adalah dibahagi antara dua pihak. Dalam

---

<sup>21</sup> C.E.C., Parr & W.H., Mackray, 'Nemban, One of the Nine States, its History, Constitution and Customs', Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 56, Part 1, 1910, hal. 36.

<sup>22</sup> R. Winstedt, The Malays A Cultural History, (London: Routledge & Kegan Paul Ltd., 1961, hal. 82.

keadaan bila isteri meninggal, tanah carian itu diserahkan kepada suami. Jika suami meninggal, diserahkan pada anak-anak dan isteri. Pembahagian tidak semestinya sama. Dasar yang digunakan ialah berimbang rasa pada anak-anak.<sup>23</sup> Secara kesimpulan, prinsip pembahagian harta ialah;

Pembawa kembali  
 Dapatan tinggal  
 Carian bahagi  
 Mati laki tinggal ke bini  
 Mati bini tinggal ke laki.<sup>24</sup>

Pada pemerhatian penulis, dalam keadaan sekarang peranan Buapak dalam harta pembawa dan harta carian tidak lagi kerap dipraktikkan. Kadang-kadang penceraihan suami-isteri itu hanya untuk pengetahuan Buapak sahaja. Namun begitu, jika terdapat kesulitan dalam pembahagian harta ini baharulah dirujuk kepada Buapak untuk menjadi orang tengah kepada penyelesaiannya.

### 3.2. Penjualan Harta Pusaka.

Harta pusaka adalah harta yang terbesar. Tanah ini merupakan satu pengikat untuk berdirinya satu organisasi suku. Jika

---

<sup>23</sup> Mordin Selat, op.cit., hal. 118.

<sup>24</sup> Ibid., hal. 118.

pemakaian tanah tetap secara komunal, ini berarti kelangsungan hidup organisasi suku dapat berjalan terus. Oleh sebab itu juga harta pusaka dilarang keras menjualkannya atau menggadaikannya. Di sinilah dapat dilihat peranan Ketua Adat untuk mempertahankan tanah ini daripada dijual. Ada diberikan syarat yang membelokkan tanah pusaka itu dijual, yaitu apabila terdapatnya;

Rumah Gadang ketirisan,  
Adat pusaka tak berdiri,  
Gadis gadang tak berleki,  
Mayat terbujur di tengah rumah. 25

Kecampat-empat ini melibatkan maruah suku. Kalau ada suku-suku mengabaikannya, bermakna suku itu tidak ada maruah lagi. Keadaan ini sangat sedikit kemungkinannya.

Walaupun ada syarat-syarat seperti yang disebut dalam perbilangan adat di atas, namun beberapa halangan dan rintangan dikenakan, jika ada yang cuba untuk menjual tanah ini. Rintangan itu dapat dilihat dalam perbilangan di bawah;

Seh batal kepada sokedim  
Kata bercari kepada warisnya  
Tinggal waris menongkat  
Tinggal sokedim melintang  
Tinggal harta bertuan tak jadi  
Tinggal tua batal. 26

---

25 Dipetik dari Mordin Salat, op.cit., hal. 115.

26 Ibid., hal. 114.

Dari perbilangan di atas Nordin Selat menghuraikan bahawa yang boleh membuat rintangan ialah segala waris. Waris ini terbahagi kepada kategori 'kedim', 'waris', 'yang tua', Persetujuan ketiga kategori ini masti diperolehi. Tetapi yang paling berkuasa (sah batal) ialah si kedim. Tanpa persetujuan mereka, rintangan terlalu kuat (melintang). Persetujuan waris juga penting, tetapi tidaklah se-penting kedim, cuma 'menongkat', tidak begitu kuat. Kalau semua setuju, benteng akhirnya ialah orang yang tua-tua seperti ketua Adat (Buapak) yang berkuasa membatalkan penjualan. Tanah pusaka yang bertuan sekali-sekali tidak boleh dijualkan.<sup>27</sup>

Jadi dari huraian di atas jelas dapat dilihat peranan Buapak, iaitu kuasa yang adanyanya untuk menghalang sebarang penjualan atau penggadaian harta pusaka.

### 3.3. Berkedim.

Adat Perpatih membenarkan atau membolehkan satu-satu kelamin (suami isteri) mengambil anak angkat untuk dijadikan anak sendiri. Perbuatan mengambil anak angkat ini dipanggil 'upacara berkedim'. Dorongan mengambil anak angkat ini ada hubungannya dengan pergerisan harta. Tetapi ada juga anak angkat yang diambil dengan tujuan untuk menjaga kelamin itu sewaktu sakit pening dan sebagainya. Jadi anak angkat yang diambil boleh seorang lelaki dan boleh juga seorang

---

<sup>27</sup> Ibid., hal. 114.

perempuan. Namun begitu sesuai dengan konsep Adat Perpatih yang mengamalkan hidup bersuku dan mengira susur gelur melalui wanita, maka kebiasaannya sesuatu kelamin itu mengambil anak perempuan sebagai anak angkat.

Menurut Azizah bt Kasim, dalam kajian ilmiahnya berkenaan dengan 'Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Adat Perpatih, di Negeri Sembilan', di Mukim Seri Menanti ini; didapati 99% dari bilangan anak angkat yang diambil adalah perempuan.<sup>28</sup>

Ada dua jenis kedim menurut Adat Perpatih, iaitu:

1. Kedim adat dan pusaka
2. Kedim adat pada Lembaga

E.N. Taylor<sup>29</sup> pula membahagikan jenis ini kepada tiga, iaitu;

1. Kedim penuh (full adoption)
2. Kedim terbatas (limited adoption)
3. Kedim berakuan (Pseudo adoption).

---

<sup>28</sup> Azizah bt Kasim, 'Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan', Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, (stensilan), Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, pada 10-12hb. April, 1974.

<sup>29</sup> E.N. Taylor, "The Customary Law of Rembau, JMBRAS, Vol. VII, Part I, 1929, hal. 49.

Yang dimaksudkan dengan 'kedim adat dan pusaka' ialah mengambil seseorang sebagai anak angkat penuh. Seperti kata E.H. Taylor;

Full adoption means that the relationship constituted between the parties is in all respects equal to that between a natural mother and child.<sup>30</sup>

Bagi seorang perempuan (berserta anaknya sama ada lahir sebelum atau sesudah berkedim), maka 'kedim adat dan pusaka' memberi kepadanya semua hak warisan dan semua tanggungjawab kepunyaan anak-anak perempuan dan cucu-cucu perempuan itu angkatnya.<sup>31</sup> Sementara bagi seorang lelaki pula, jika diambil anak angkat penuh, ia boleh dipilih menjadi penghulu dalam suku itu angkatnya.<sup>32</sup>

'Kedim adat pada Lembaga' pula ialah pengambilan anak angkat terbatas, iaitu seorang anak perempuan dari sulanya sendiri atau dari bahagian sulanya diambil sebagai anak angkat. Mengenai hak yang diberikan kepadanya ada disebutkan oleh E.H. Taylor;<sup>33</sup>

Limited adoption means that a definite relationship is created, but that the right of inheritance, if conferred at all, is restricted.

---

<sup>30</sup> Ibid., hal. 40.

<sup>31</sup> Ahmad Ibrahim, 'Islam Customary Law/Malaysia', Intisari, Vol. II, No. 2, hal. 61.

<sup>32</sup> Abdullah Siddik, op.cit., hal. 117.

<sup>33</sup> E.H. Taylor, 'The Customary Law of Borneo', JMRRAS, Vol. VII, 1929, hal. 40.



Peranan ketua adat yang dapat dilihat dalam upacara berkedim ini, ialah mengikut bentuk atau cara kedim itu dilakukan. Maksudnya, anak angkat yang diambil adalah sama ada dari suku yang lain ataupun dari perut yang sama dalam suku yang sama. Berkedim dengan mengambil anak angkat dari perut yang sama, Lembaga tidak payah hadir tetapi mendedi diberitahu hal itu kepadanya.<sup>34</sup> Tetapi yang penting dalam hal ini ialah Buapak harus dipanggil dan segala perundingan juga adalah dengan adanya persetujuan dari Buapak. Hal ini tidak perlu dirujuk kepada Undang.

Dalam hal mengambil anak dari luar suku, maka khalamin itu terlebih dahulu mesti mendapatkan persetujuan dan kebenaran suku si isteri. Buapak mendirikan peranan penting dalam perundingan dalam suku itu. Perundingan hendaklah diadakan bersama Buapak dan atas keizinan Buapak juga sesuatu keputusan itu dapat diambil. Sesudah suku mengizinkan, maka Lembaga pun berundinglah dengan Lembaga kepada ~~suku~~ yang rela memberikan anak buahnya itu untuk diberikan kepada khalamin tersebut.<sup>35</sup>

Sesudah kedua pihak bersetuju maka barulah anak angkat itu boleh diterima dan pengambilannya akan disahkan oleh suku yang menerimanya dengan dijalankan upacara atau istiadat 'cecah darah'.

---

<sup>34</sup> Ibid., hal. 41.

<sup>35</sup> Abdul Rahman Hj. Mohamad, Dasar-dasar Adat Perpatih, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964, hal. 45.

Istiadat ini disertai dengan konduri dengan menyembelih seekor kambing atau jika mampu seekor kerbau. Darah sembelihan binatang inilah yang dipecah bersama oleh keluarga yang mengambil anak angkat dengan anak angkatnya itu sebagai tanda persumpahan; tsak bersaudara. Tujuan konduri itu ialah untuk mengumpul semua saudara mara supaya mereka tahu tentang adanya anggota baru. Ini adalah untuk mengelakkan sebarang salah faham atau pertelingkahan yang mungkin berlaku.

Secara keseluruhan dari perbincangan dalam bab ini, dapatlah dirumuskan bahawa peranan Ketua Adat dalam pembahagian harta masih lagi diperlukan. Ketua Adat yang terlibat secara langsung dengan pihak pentadbir (Pemungut Hasil Tanah) ialah Lembaga. Sementara Buapak berperanan sebagai menyampaikan keterangan berkenaan kedudukan anak buahnya yang timbul kepada Lembaga. Pendek kata ia bertugas sebagai penyiasat kedudukan perkara yang sebenar dan kemudian menjadi orang perantara antara anak buah dengan Lembaga.

Peranan ketua adat juga perlu dalam istiadat perkedimen. Pada dasarnya istiadat perkedimen ini ada kaitan dengan masalah pembahagian harta. Kerana sesuatu kelamin yang mengambil anak angkat itu biasanya mengambil anak perempuan untuk mewariskan hartanya disebabkan kelamin itu tidak mempunyai anak perempuan sendiri. Kalau tidak, kelamin itu akan pupas dan harta itu tidak lagi dapat diperturunkan; Walaupun anak lelaki dibenarkan memegang harta pusaka tetapi ianya terhad selagi ia masih hidup.

LAMPIRAN 1Senarai Nama Informan.

1) Nama : Ahmad Bin Taib

Alamat : Kampung Galau,

Sri Menanti, Negeri Sembilan.

Pekerjaan : Pemandu Teksi.

Jawatan : Buspek bagi suku Sri Lemak Pahang, Perut Kampung  
Merual/Tanjung Galau.

Gelaran : Datuk Maharaja Kanda.

2) Nama : Hj. Abdul Rauf Bin Nahu

Alamat : Kampung Sungai Layang,

Sri Menanti, Negeri Sembilan.

Pekerjaan : Kerja Kampung.

Jawatan : Lembaga bagi suku Batu Hampar

Orang Empat Istana, di Istana Besar Sri Menanti.

Gelaran : Datuk Sri Amar Diraja.

3) Nama : Abdul Ghani Bin Shamarudin

Alamat : Bahagian Buku Pelajaran,

Cawangan Sains, Tingkat 5,

Dewan Bahasa Dan Pustaka,

Kuala Lumpur.

Jawatan : Lembaga Tiang Balai.

Gelaran : Datuk Ombi Pangkal Maharaja Lela.

4) Nama : Hj. Mohamad Nor Bin A. Hamid

Alamat : Pejabat Tanah,

Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Pekerjaan : Penolong Pemangut Hasil Tanah.

5) Nama : Mohd. Nor Bin Pilus

Alamat : Kampung Sekolah Gunung Pasir,

Sri Menanti, Negeri Sembilan.

Pekerjaan : Kerja Kampung.

Jawatan : Buapak bagi suku Sri Lemak Minangkabau,

Perut Kampung Mertang.

Gelaran : Datuk Setia Muda.

6) Nama : Osman Bin Baginda

Alamat : Balai Undang Jelebu.

Kuala Klawang, Jelebu,

Negeri Sembilan.

Jawatan : Lembaga Tiang Balai.

Gelaran : Datuk Niko Menteri Shah Mangku Alam Raja Sari.

LAMPIRAN II

Laporan Perkahwinan Sedaris Suku Seri Lemak Minangkabau,  
 Kampung Mertang Antara Zainal Abidin Bin Hj. Latiff (Lelaki)  
 Dengan Sainih Bte Hj. Abdullah (Perempuan) Pada Hari Ahad  
5hb. Jun. 1977.

Pada hari Khamis jam 9.30 malam tiga orang Waris Pusaka dan seorang Orang Semenda iaitu: Indan bte Kassim, Dedah, Awi dan Md. Rus bin Masir telah datang menemui Bapak Suku Seri Lemak Minangkabau, Mertang Datok Setia Mada Md. Nor; di rumahnya di Kampung Sekolah Gunung Pasir.

Mereka telah memberitahu bahawa satu 'Majlis Pertunangan' sewaris telah berlaku di rumah Ustaz Shamsuri bin Hj. Yusuh pada hari Ahad bersamaan 15hb. Mei 1977 kira-kira pukul 3.00 petang (pertunangan orang yang berkenaan di atas).

Mereka-mereka yang telah menghantar cincin pertunangan tersebut ialah:

1. Hajjah Nekmat (ibu si lelaki)
2. Khalifah
3. Zainal Abidin (yang berkenaan)

serta 2 orang perempuan (orang Kelantan) lain.

Penerimaan Cincin:

1. Shamsuri & Salimah (tuan rumah)
2. Haji Abdullah & Hj. Enap (ibu-bapa si perempuan)

3. Seadiah & suaminya Aris Hj. Ismail.
4. Hajjah Halimah
5. Isa - empat semenda si perempuan yang paling  
Kadin sekali. Isalah yang manerima cincin tersebut  
bagi pihak perempuan.

Apabila mendengar berita tergegar Buapak Datok Setia Muda Md. Nor telah meminta Waris-Waris Pusaka, tempat semenda dan Orang Semenda perit yang berkenaan berkumpul untuk 'Mencari Adat' di rumah Induk bte Kassim pada hari Sabtu 21hb. Mei, 1977.

Perjumpaan 'Mencari Adat' tersebut telah diadakan pada tarikh dan hari tersebut dengan dihadiri oleh Waris-Waris pusaka, Orang Semenda dan tempat semenda antaranya:

1. Datok Setia Muda Md. Nor bin Pilus (Buapak)
2. Datok Setia Raja Pahlawan Maulud (Buapak Sulai Seri Lemak Minangkabau, Kemang Juar).

Lain-lain (Encik-encik & Cik):-

- |                  |                              |
|------------------|------------------------------|
| 3. Hj. Harun     | 9. Ahmad Bidin               |
| 4. Razak Shafie  | 10. Md. Rus                  |
| 5. Md. Din Idris | 11. Ruslan Yahaya            |
| 6. Ahmad Saad    | 12. Yahya Janid (tuan rumah) |
| 7. Bais          | 13. Dayung                   |
| 8. Solleh Idris  | 14. Yusus                    |

- |                    |                               |
|--------------------|-------------------------------|
| 15. Muhamad Shafie | 26. Khadijah                  |
| 16. Awi            | 27. Zaibdah                   |
| 17. Khalifah       | 28. Indun Kassim (tuan rumah) |
| 18. Noriah Saat    | 29. Ainiyah                   |
| 19. Kamsiah Saat   | 30. Rurah Yahaya              |
| 20. Hafisah        | 31. Rohani Yahaya             |
| 21. Pisah Samak    | 32. Salamah                   |
| 22. Jiibah         | 33. Safiah Maasin             |
| 23. Zainab         | 34. Zaleha                    |
| 24. Terinah        |                               |
| 25. Aminah         |                               |

Perkara yang dibincangkan antara lain:

Buapak mahu kepastian sama ada penghantar cincin tersebut benar-benar berlaku. Wan Khalifah telah menerangkan satu persatu bahawa penghantaran cincin tersebut benar-benar berlaku. Katanya lagi orang yang menerima cincin tersebut ialah Isa bagi pihak si perempuan.

Akhirnya Buapak telah meminta semua yang hadir sedapat-dapatnya hendaklah memberi nasihat kepada dua belah pihak yang berkenaan supaya meneruskan pekerjaan tersebut kerana katanya salah dari segi adat. Katanya lagi tak pernah berlaku perkara begini dalam Suku Seri Lemak Minangkabau, Mertang.

Buapak telah meminta satu perjumpaan adat lagi diadakan pada hari Sabtu 28hb. Mei 1977 di rumah Induk Awi, Ulu Mertang Jam 3.30 petang. Beliau telah melantik Encik Salleh Idris, Induk Pisah, dan Encik Md. Din Idris sebagai 'Monti' untuk mengumpulkan semua Waris pusaka, orang seadat dan seresan bagi perut yang berkenaan. Majlis bersurai jam 12.00 malam.

Perjumpaan Adat Kali Ke-2 di rumah Induk Awi pada hari Sabtu 28hb. Mei 1977.

Kehadiran (Encik-encik & Cik-cik):-

1. Datok Setia Muda Md. Nor bin Pilu (Buapak)
2. Shamsuri Hj. Yusoh.
3. Mohd. Salleh Saat.
4. Md. Din Idris.
5. Salleh Idris.
6. Ahmad Yahaya.
7. Hassan Takin.
8. Ahmad Shafie.
9. Abd. Razak Shafie.
10. Hj. Abdullah.
11. Md. Yus Masir.
12. Sulaiman Ibrahim.
13. Shahid Hj. Abdullah.
14. Aris Hj. Ismail.



- |                       |                          |
|-----------------------|--------------------------|
| 15. Ismail Jadi       | 31. Safiah Maasin        |
| 16. Hj. Harun Samak   | 32. Zaleha Hj. Shafie    |
| 17. Md. Zin Lebar.    | 33. Jaharah Saat         |
| 18. Kadir Hamzah      | 34. Selamah Iubri        |
| 19. Yahaya Janid      | 35. Sekiah Bakar         |
| 20. Lebar Alin        | 36. Asiah Hassan         |
| 21. Hj. Salleh        | 37. Hafsa Sili           |
| 22. Emin Samak.       | 38. Joibah Kuna          |
| 23. Bedah Usah        | 39. Zuyah Malik          |
| 24. Indun Kassim      | 40. Mariani Rintah       |
| 25. Saami Kijing      | 41. Asa Pili             |
| 26. Napiah Abdullah   | 42. Saadiah Ibrahim      |
| 27. Md. Zain Lebar    | 43. Saamah Ruyung        |
| 28. Khalifah Md. Zain | 44. Kariah Saat          |
| 29. Pisch Samak       | 45. Selamah Hj. Abdullah |
| 30. Zainab Hj. Pili   |                          |

Buapak telah meminta Hj. Abdullah (bapa Si perempuan men-  
ceritakan cerita sebenar betul atau tidak majlis pertunangan itu telah  
berlaku. Hj. Abdullah telah menceritakan dari awal hinggalah akhirnya  
dan mengakui segala-galanya telah berlaku.

Buapak merasa keciwa kerana orang-orang yang berkenaan bagi  
pihak lelaki tidak ada seorang pun yang datang sungguh pun sudah dua  
kali dijemput (Mereka tinggal di Langgeng).

\*Buapak mengatakan bahawa dia merasa amat terbaru di atas kejadian tersebut, kerana katanya pertunangan tersebut adalah 'pertunangan Sewa ris' tambahan pula pihak lelaki dengan perempuan berasal dari 'Satu Perut'

\*Buapak menasihatkan perbuatan tersebut janganlah diteruskan kerana telah menyalahi adat. Jika dilakukan juga maka tindakan adat akan dikenakan kepada kedua-dua belah pihak yang berkenaan. Juga beliau mengingatkan semua anak buahnya jadikan contoh tauladan dan jadikan sempadan apa yang telah berlaku.

Majlis adat telah bersurai pada pukul 6.00 petang.

.....

Melalui beberapa orang Waris pusaka Buapak telah mendapat tahu bahawa satu 'Majlis Pernikahan' telah dilaksanakan antara orang yang berkenaan iaitu Zainal Abidin bin Hj. Latif dengan Salamiah bte Hj. Abdullah iaitu pada hari Ahad 19hb. Jun, 1977 lalu. Jadi Buapak telah menyuruh semua anak buahnya di Mertang dan Orang Semenda berkumpul di rumah Induk Embun bin Samak pada hari Ahad bersamaan 19hb. Jun akan datang. Di samping mengumpulkan anak buahnya Buapak juga telah menjemput sama Lembaga Suku Seri Lemak Minangkabau iaitu Datok Seri Nara Di Raja dan Datok Penghulu Luak Muar.

Sekian.

SENARAI RUJUKAN(a) Buku-Buku:

Abdul Samad Bin Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya,  
Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu Berhad, 1968.

Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia,  
Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 1975.

Al-Quran dan Terjemahan, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1977.

Abdul Rahman Haji Mohamed, Dasar-dasar Adat Perpatih,  
Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964.

Banton, Michael., Role an Introduction To The Study of Social Relation, London: Tavistock Publication, 1965.

Caldecott, A., 'Jelebu, Its History And Constitution',  
Papers On Malay Subjects (2nd series), No. 1, FMS  
Civil Service, Kuala Lumpur, 1912.

Gould and Kolb (ed), A Dictionary of Social Sciences, London:  
Tavistock Publication, 1964.

Linton, Ralph., The Study of Man, London: Peter Over, 1936.

Nordin Bin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Kuala Lumpur:  
Utusan Melayu Berhad, 1976.

Nasroen, M., Dasar Falsafat Adat Minangkabau, Djakarta: C.V.  
Pasanen, 1957.

Theodorsen, G.A., and Theodorsen A.G., Modern Dictionary of Sociology, New York: Thomas Y. Crowell Company, 1834.

Wilkinson, R.J., Papers On Malay Subject, Kuala Lumpur: Oxford  
University Press, 1971.

Winstedt, R., The Malays A Cultural History, London: Routledge  
& Keagan Poul Lte. 1961.

Zainal Kling (ed), Masyarakat Melayu Antara Tradisi dan Perubahan, Kuala Lumpur: Utusan Publication &  
Distributor, 1977.

(b) Journal/Majalah:

Parr, C.W.C., & Mackray, W.H., 'Rembau, One of The Nine States, Its History, Constitution and Customs', JSEBRAS, Vol. 56, Part I, 1910.

Taylor, W.N., 'The Customary Law of Rembau', JSEBRAS, Vol. VII 1929.

Ahmad Ibrahim, 'Islam Customary Law/Malaysia', Intisari, Vol. 11, No. 2, Singapura.

Lokman Bin Yusof, 'As Seen in Land Inheritance', Intisari, Vol. 1, No. 4, Singapura.

Jamaludin Bin Abdullah, 'Adat Menyerah', Mastika, Januari, 1958.

Zainal Abidin Bin Bakar, 'Kontroversi Di sekitar Perlantikan Undang Jelebu', Dewan Budaya, Jilid. 11, Bil. 5, Mei, 1980.

(c) Latihan Ilmiah:

Faraded Mohd. Dom, 'Persoalan Pembahagian Harta Dalam Adat Perpatih, Latihan Ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 78/79.

(d) Kertas Kerja:

Abdul Samad Bin Idris, 'Kemurnian Dalam Adat Perpatih', Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih (stensilan), Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 10hb.-12hb. April, 1974.

Azizah Et. Kasim, 'Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Adat Perpatih Di Negeri Sembilan, Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih (Stensilan), Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 10hb.-12hb. April, 1974.

- Khoo Kay Kim, 'Sistem Politik Negeri Sembilan', Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, (Stensilan), Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 10hb.-12hb. April, 1974.
- Nordin Selat, 'Pemimpin Dalam Adat Perpatih', Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, (Stensilan), Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 10hb.-12hb. April, 1974.
- Shamsul Amri Bin Baharudin, 'Politik Adat Perpatih', Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih (stensilan), Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 10hb.-12hb. April, 1974.